

Swasta kena hulur bantuan

Tunku Mahkota Johor minta sektor korporat prihatin nasib mangsa banjir

Oleh Mohd Roji Abdullah

BATU PAHAT: Tunku Mahkota Johor meminta pihak swasta menghulurkan bantuan wang tunai dan makanan kepada mangsa banjir bagi meringankan beban mereka.

Katanya, pihak swasta mempunyai tanggungjawab sosial membantu rakyat yang ditimpa kesusahan dan tidak meletakkannya kepada kerajaan semata-mata.

"Apabila negara jiran kita kena bencana, kita negara pertama menghulurkan bantuan tetapi pada kali ini, kita pula kena bencana. Jadi rakyat yang prihatin perlu beri bantuan kepada mereka yang malang.

"Saya harap kerajaan negeri akan

"Saya harap kerajaan negeri ambil langkah positif hadapi banjir seumpama ini"

Tunku Ibrahim Ismail
Tunku Mahkota Johor

mengambil langkah positif bagi menghadapi banjir seumpama ini berlaku," katanya kepada pemberita selepas melawat pusat pemindahan banjir di Seri Medan di sini semalam.

Tunku Mahkota bersama isterinya, Raja Zarith Sofiah, anaknya, Raja Muda, Tunku Ismail Ibrahim dan Tunku Abdul Jalil melawat lima pusat pemindahan di sini dan Kluang.

Katanya, beliau bangga kegigihan sukarelawan dan kakitangan kerajaan yang membantu mangsa di pusat berkenaan.

Pusat pemindahan Seri Medan menempatkan 256 mangsa dari 62 keluarga, manakala pusat lain di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Tiga Serangkai, Parit Sulong (259 mangsa, 52 keluarga), SK Datuk Sulaiman, Parit Sulong (610 mangsa, 161 keluarga), Sekolah Agama Sri Chantek, Batu Pahat (259 mangsa, 76 keluarga) dan SK Batu Tiga, Kluang (1,267 mangsa, 286 keluarga).

Sementara itu, Puteri Umno diketuai Datuk Noraini Ahmad melawat pusat pemindahan Pagoh, Parit Sulong, Air Hitam dan Kluang.



BANYAK BERSABAR: Tunku Mahkota Johor Tunku Ibrahim Ismail dan isteri Raja Zarith Sofiah bercakap sesuatu dengan mangsa banjir yang mendapat perlindungan di SMK Dato Sulaiman, Batu Pahat, semalam.